



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

**TAWARAN MENGEMUKAKAN
PERMOHONAN PEROLEHAN TENDER BAGI
PERKHIDMATAN PUBLISITI DAN PROMOSI KHAS
BAGI PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI
(PJRM) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)
TAHUN 2026**

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI
DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG
TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PEROLEHAN TENDER BAGI PERKHIDMATAN PUBLISITI DAN PROMOSI KHAS PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) TAHUN 2026

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan Dan Syarat Kepada Pemohon bagi **Permohonan Perolehan Tender bagi Perkhidmatan Publisiti dan Promosi Khas Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2026**. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah Syarikat tempatan yang berdaftar, bertapak dan menjalankan perniagaan di Malaysia.
- (ii) Pemohon perlu mahir dengan pengurusan dalam Perkhidmatan yang perlu dijalankan.
- (iii) Pemohon mempunyai kemudahan pelaksanaan dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan Perkhidmatan.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada Syarikat Bumiputera.
- (v) Memiliki Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Beserta salah satu **kod bidang (222001 / 222009) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia**

2. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga

- (i) Borang Permohonan yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dihantar secara **EMEL tidak lewat jam 12.00 tengahari pada 11 Mei 2026 (Isnin)**. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.
- (ii) Dokumen hendaklah dikemukakan secara **EMEL** ke alamat emel Sekretariat Induk Inisiatif Payung RAHMAH MADANI di payungrahmah@kpdn.gov.my.

3. Skop Perkhidmatan

PENTING:

SYARIKAT DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN TAWARAN HARGA BAGI SETIAP SPESIFIKASI YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH PIHAK URUSETIA.

- (i) Skop perkhidmatan bagi Publisiti dan Promosi Khas Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2026 adalah seperti berikut:-

SPESIFIKASI KERJA

BIL.	ITEM	KEKER APAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
1	MEDIA CETAK			
1.1	AKHBAR MUKA PENUH (warna penuh)	2		
1.1.1	Mendapatkan ruangan rencana khas bagi tujuan penerbitan artikel (advertorial) atau poster/infografik atau lain-lain perkhidmatan berkaitan di dalam salah satu akhbar tempatan			
1.1.2	Menyediakan konsep (idea), reka bentuk dengan pelbagai bahasa tempatan dan susun atur bagi membantu proses penyediaan poster/infografik atau lain-lain perkhidmatan berkaitan			
1.1.3	Pembekal perlu mengemukakan rekagrafik terkini yang sesuai dengan maklumat dan dapat menarik minat pembaca			
1.1.4	Pembekal perlu mengemukakan beberapa cadangan mockup kepada pihak KPDN			
1.1.5	Pembekal perlu menyediakan perkhidmatan ' <i>proof reading</i> ' untuk perkhidmatan advertorial			
1.1.6	Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.			
2	MEDIA ELEKTRONIK - TV			
2.1	IKLAN TELEVISYEN	26		
2.1.1	Syarikat perlu menghasilkan satu iklan produksi berdurasi 30 - 60 saat untuk 26 slot			
2.1.2	Pembekal perlu mendapatkan slot pengiklanan di salah satu stesen televisyen tempatan dan perlu mendapatkan persetujuan pihak KPDN			
2.1.3	Tempoh durasi penyiaran iklan adalah mengikut slot (1 slot bersamaan dengan 30			

BIL.	ITEM	KEKER APAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
	saat) dan jumlah slot tertakluk kepada ketetapan yang dibuat oleh KPDN			
2.1.4	Salah satu stesen TV tempatan antaranya Media Prima, Astro, RTM, TV AlHijrah, Bernama TV atau lain-lain stesen TV tempatan yang dipersetujui oleh pihak KPDN			
2.1.5	Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.			
3	IKLAN DIGITAL			
3.1	IKLAN DIGITAL TV/PANEL	5		
3.1.1	Mendapatkan slot pengiklanan di digital panel (pusat membeli belah, terminal bas/keretapi/ lapangan terbang) dan perlu mendapat persetujuan KPDN			
3.1.2	Setiap penyiaran iklan bilangan Minimum Panel sebanyak 30 unit dengan saiz minimum skrin adalah 32 inci			
3.1.3	Iklan bersiaran sebanyak sekurang-kurangnya 150 kali sehari (tempoh durasi penyiaran iklan adalah 10 hingga 15 saat)			
3.1.4	Tempoh penyiaran iklan adalah selama satu (1) bulan dengan persetujuan KPDN			
3.1.5	Perlu mendapatkan permit penyiaran iklan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pemilik kompleks atau premis (jika diperlukan)			
3.1.6	Menyediakan konsep (idea), reka bentuk dan susun atur bagi membantu proses penyediaan poster/infografik atau lain-lain perkhidmatan berkaitan			
3.2	IKLAN STATIC BILLBOARD	16		
3.2.1	Mendapatkan slot pengiklanan di billboard di lokasi mengikut ketetapan yang ditetapkan oleh KPDN			
3.2.2	Saiz minimum skrin adalah 200 kaki persegi			
3.2.3	Tempoh penyiaran iklan adalah sekurang-kurangnya 1 bulan			
3.2.4	Perlu mendapatkan permit penyiaran iklan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pemilik kompleks atau premis (jika diperlukan)			
3.2.5	Perlu mendapatkan kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi siaran iklan (jika diperlukan);			

BIL.	ITEM	KEKERAPAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
3.2.6	Menyediakan konsep (idea), reka bentuk dan susun atur bagi membantu proses penyediaan poster/infografik atau lain-lain perkhidmatan berkaitan;			
3.2.7	Lokasi penyiaran terletak di kawasan yang mempunyai trafik yang tinggi (sekurang-kurangnya 100 ribu ke atas)			
3.2.8	Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.			
3.3	GOOGLE ADS	1		
3.3.1	Mengiklankan video/poster/posting melalui platform YouTube Ads atau Google Ads			
3.3.2	Minimum 200 ribu impressions atau views bagi setiap kempen pengiklanan yang dijalankan.			
3.3.3	Tempoh pengiklanan dijalankan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bagi setiap kempen, mengikut ketetapan KPDN.			
3.3.4	Segala bahan iklan (skrip, visual, poster, video) perlu mendapat kelulusan KPDN sebelum pengiklanan dilaksanakan.			
4	PENERBITAN TRAVELOG PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (14 EPISOD)	14		
4.1	PRA PRODUKSI			
4.1.1	Menyediakan cadangan idea kreatif merangkumi konsep program, hala tuju jalan cerita (<i>treatment</i>), reka bentuk visual dan tone travelog			
4.1.2	Menyediakan pembangunan kandungan			
4.1.3	Menyediakan <i>storyboard</i> , <i>shooting script</i> dan skrip naratif/ <i>voice over</i> lengkap untuk setiap episod			
4.1.4	Menyediakan senarai lokasi cadangan penggambaran berdasarkan tema episod dan keperluan kementerian			
4.1.5	Menyediakan jadual penggambaran (<i>shooting schedule</i>) lengkap termasuk <i>timeline</i> , susun atur lokasi, dan logistik			
4.1.6	Menyediakan rekabentuk identiti visual awal (logo, <i>lower third</i> , <i>graphic style guide</i>) sebagai rujukan produksi			
4.1.7	Mendapatkan kelulusan KPDN bagi semua dokumen pra-produksi (konsep, skrip, <i>storyboard</i> , lokasi dan talent) sebelum produksi dimulakan.			

BIL.	ITEM	KEKERAPAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
4.2	PRODUKSI	14		
4.2.1	Melaksanakan penggambaran di lokasi yang telah diluluskan oleh KPDN mengikut jadual yang ditetapkan dalam fasa pra-produksi			
4.2.2	Menyediakan tenaga kerja produksi lengkap termasuk pengarah, jurukamera, juruaudio, <i>lighting crew</i> , penerbit lokasi, dan kru sokongan			
4.2.3	Menyediakan peralatan teknikal sekurang-kurangnya -Kamera beresolusi 4K -Set pencahayaan (<i>portable LED lighting</i>), -Peralatan audio - <i>Stabilizer</i> / gimbal untuk <i>tracking shots</i> . -Tripod & monopod profesional.			
4.2.4	Melaksanakan penggambaran mengikut skrip, storyboard dan arahan yang telah dipersetujui bersama KPDN dalam fasa pra-produksi			
4.3	PASCA PRODUKSI	14		
4.3.1	Melaksanakan kerja-kerja penyuntingan berdasarkan skrip & <i>storyboard</i> yang telah diluluskan KPDN			
4.3.2	Menyediakan suntingan visual yang kemas, konsisten dan mengikut <i>continuity</i> rakaman, termasuk pemilihan babak terbaik, <i>color correction</i> dan <i>color grading</i>			
4.3.3	Menyediakan suntingan audio, <i>sound design</i> dan <i>mixing</i> bagi memastikan kualiti bunyi jelas, seimbang, bebas gangguan, serta mengikut piawaian siaran			
4.3.4	Menyediakan muzik latar yang sesuai dan terkini. Pihak syarikat bertanggungjawab memastikan muzik adalah bebas royalti atau berlesen sah			
4.3.5	Menyediakan <i>voice over</i> dan/atau <i>dubbing</i> profesional mengikut skrip yang telah diluluskan			
4.3.6	Menyediakan <i>motion graphics</i> dan <i>infographics</i> bersesuaian untuk memperkukuh penyampaian mesej KPDN;			
4.3.7	Menyediakan <i>opening sequence</i> , <i>lower third</i> , <i>title card</i> , <i>end credit</i> serta elemen <i>branding</i> visual mengikut identiti KPDN			
4.3.8	Mengemukakan draf suntingan awal (<i>rough cut</i>) untuk semakan dan kelulusan KPDN sebelum <i>final cut</i> ;			

BIL.	ITEM	KEKERAPAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
4.3.9	Semua hasil kerja pascaproduksi perlu mendapat kelulusan bertulis daripada KPDN sebelum digunakan untuk siaran, tayangan atau edaran.			
4.4	HOST/TALENT/ARTIS/INFLUENCER	14		
4.4.1	Pihak syarikat perlu mencadangkan 3 orang hos/ talent utama yang sesuai dengan konsep travelog KPDN dan mendapat kelulusan KPDN			
4.4.2	Hos/ <i>talent</i> perlu mempunyai personaliti menarik, berkarisma, fasih berbahasa Malaysia, serta mampu menyampaikan maklumat rasmi dengan gaya santai dan mudah difahami.			
4.4.3	Hos/ <i>talent</i> hendaklah mematuhi tatacara, etika kerja, kod pemakaian, serta garis panduan rasmi komunikasi KPDN sepanjang tempoh penggambaran dan promosi program.			
4.4.4	Sebarang penukaran hos/ talent selepas kelulusan hanya boleh dilakukan dengan persetujuan bertulis daripada KPDN.			
4.5	LOGISTIK	14		
4.5.1	Syarikat hendaklah menyediakan segala kelengkapan logistik asas bagi menyokong proses penggambaran di lokasi.			
4.5.2	Syarikat bertanggungjawab memastikan semua kelengkapan logistik berada dalam keadaan baik, selamat digunakan, dan mencukupi sepanjang tempoh penggambaran.			
4.5.3	Syarikat perlu menyediakan kru logistik bagi membantu urusan pemasangan, kawalan, dan penyimpanan peralatan sepanjang sesi penggambaran.			
4.5.4	Semua logistik hendaklah dipasang mengikut piawaian keselamatan bagi mengelakkan sebarang kemalangan di lokasi penggambaran.			
4.6	PENGINAPAN & PENGANGKUTAN	14		
4.6.1	Syarikat hendaklah menyediakan pengangkutan yang selesa, selamat dan sesuai bagi kegunaan kru produksi, hos/talent dan peralatan sepanjang penggambaran.			

BIL.	ITEM	KEKER APAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
4.6.2	Syarikat hendaklah menyediakan penginapan untuk talent dan juga kru penggambaran			
4.6.3	Semua kos minyak, tol dan parkir hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Syarikat			
4.6.4	Pihak Syarikat hendaklah memastikan fleksibiliti penginapan dan pengangkutan mengikut jadual sebenar produksi yang ditetapkan.			
4.7	MEDIA DIGITAL & MEDIA SOSIAL			
4.7.1	BOOSTING	14		
4.7.1.1	Mengiklankan video/poster/posting di salah satu media sosial rasmi KPDN (<i>Facebook, Instagram, Youtube atau Tiktok</i>) tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan bersama KPDN.			
4.7.1.2	Minimum 1 juta tontonan (<i>views</i>) atau capaian (<i>reach</i>) secara kumulatif bagi setiap pengiklanan yang dijalankan di pelbagai media sosial rasmi KPDN.			
4.7.1.3	Pengiklanan dijalankan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari mengikut ketetapan KPDN.			
4.7.2	CROSS PLATFORM	14		
4.7.2.1	Perkongsian posting atau kandungan (<i>share posting</i>) daripada akaun media sosial rasmi KPDN ke akaun media sosial portal media tempatan/ pempengaruh.			
4.7.2.2	Pihak syarikat perlu menyediakan 3 akaun sosial media yang mempunyai sekurang-kurangnya 300,000 pengikut;			
4.7.2.3	Posting yang perlu dikongsi akan dicadangkan oleh pihak KPDN			
4.7.2.4	Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.			
4.7.2.5	Syarikat perlu menyediakan laporan prestasi perkongsian posting selepas kempen tamat yang merangkumi pencapaian metrik utama.			
4.7.3	INFLUENCER PROMO JUALAN RAHMAH MADANI	14		
4.7.3.1	Mendapatkan 2 orang perkhidmatan pempengaruh/ <i>influencer</i> yang bersesuaian untuk kempen atau program yang dijalankan oleh KPDN			

BIL.	ITEM	KEKER APAN	HARGA SEUNIT DENGAN SST (RM)	JUMLAH DENGAN SST (RM)
4.7.3.2	Menguruskan promosi kempen atau program menggunakan pempengaruh/ <i>influencer</i> dari segi penyediaan kandungan (<i>content</i>) dan <i>storyboard</i> yang menepati konsep travelog KPDN			
4.7.3.3	Tempoh durasi bagi setiap video travelog adalah antara 30 saat hingga 1 minit, mengikut kesesuaian platform media sosial			
4.7.3.4	Pempengaruh/ <i>influencer</i> yang dipilih hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 300-500 ribu pengikut di keseluruhan platform media sosial			
4.8	MEDIA ELEKTRONIK, TV & RADIO			
4.8.1	IKLAN RADIO (Jingle/PSA)	14		
4.8.1.1	Mendapatkan 70 slot pengiklanan di salah satu atau dua stesen radio tempatan;			
4.8.1.2	Menyediakan skrip dan rakaman <i>voice-over</i> bagi tujuan siaran iklan			
4.8.1.3	Tempoh durasi penyiaran iklan adalah mengikut slot (1 slot bersamaan dengan 30 saat) dan jumlah slot tertakluk kepada ketetapan yang dibuat oleh KPDN			
4.8.1.4	Penyediaan bahan ini perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.			
4.8.2	SLOT RANCANGAN TV	14		
4.8.2.1	Menyediakan dua slot episod penyiaran rancangan TV berdurasi 30 minit bagi setiap tayangan di stesen TV nasional dan swasta yang mempunyai capaian penonton luas seperti Astro, Media Prima, dan RTM.			
4.8.2.3	Format siaran mestilah sekurang-kurangnya dalam Full HD			
4.8.2.4	Pembekal perlu menyerahkan bukti siaran rasmi daripada stesen TV berserta rakaman siaran (<i>broadcast copy</i>) untuk simpanan KPDN			
4.8.2.5	Semua slot siaran hendaklah disahkan dengan hak penggunaan rasmi untuk KPDN			
4.8.2.6	Penyedia perkhidmatan perlu menyediakan laporan ringkas penyiaran bagi setiap slot yang telah ditayangkan			
JUMLAH KESELURUHAN				

(ii) Catatan:

- (a) Bukti pengalaman perlu dikemukakan melalui portfolio projek terdahulu yang berkaitan;
- (b) Setiap perkara atau item yang memerlukan rekabentuk khas harus disertakan dengan rekabentuk di dalam kertas Cadangan (*proposal*);
- (c) Bagi perkara yang melibatkan penghasilan dan produksi video, contoh produksi video atau portfolio Syarikat harus disertakan;
- (d) Senarai produksi video boleh disertakan dalam bentuk pautan link;
- (e) Syarikat hendaklah memastikan setiap lampiran reka bentuk, portfolio syarikat dan contoh produksi video tidak mengandungi sebarang nama syarikat;
- (f) Syarikat harus mencadangkan konsep travelog yang lengkap dengan konsep, idea jalan cerita, naratif dan lokasi penggambaran; dan
- (g) Syarikat harus mencadangkan pelan komunikasi yang lengkap sehingga tamat program.

4. Panduan dan Tatacara berkaitan Borang Permohonan

(i) **Panduan Pengisian Borang Permohonan**

- (a) Pemohon hendaklah melengkapi Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (b) Borang Permohonan hendaklah dilengkapi dengan KEMAS dan JELAS serta menggunakan pen berdakwa hitam dan ditulis dengan huruf besar (*capital letter*) atau ditaip;
- (c) Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan bersama hendaklah dilampirkan bersama di dalam satu (1) emel; dan
- (d) KPDM berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

(ii) **Semak Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pemohon**

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
Dokumen Wajib	1	BORANG PERMOHONAN (i) Bahagian 1: Profil Syarikat (ii) Bahagian 2: Pengalaman Syarikat (iii) Bahagian 3: Tawaran Harga (iv) Senarai Semak

	2	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PUBLISITI DAN PROMOSI KHAS PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) TAHUN 2026 Dokumen tender merangkumi butiran tawaran sebut harga dan cadangan grafik bagi keseluruhan pelaksanaan sepertimana spesifikasi kerja yang dinyatakan.
	3	SALINAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program.
	4	SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERSERTA SALAH SATU KOD BIDANG BERKAITAN (222001/ 222009) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program.
	5	SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program.
	6	SALINAN PENYATA BANK Salinan Rasmi Penyata Bank (janaan mesin ATM atau CDM tidak diterima) untuk tiga (3) bulan terkini (Januari 2026 - Mac 2026).

(iii) **Tatacara Penghantaran Borang Permohonan**

- (a) Borang Permohonan yang dikemukakan perlu dicetak di atas kertas berwarna putih, bersaiz A4, diimbis dan dihantar menggunakan format *portable document format* (pdf);

- (b) Dokumen tender yang dikemukakan boleh menggunakan format *portable document format* (pdf) sahaja; dan
- (c) Sekiranya dokumen yang dihantar melebihi kuota saiz yang dibenarkan, pemohon boleh mengemukakan pautan muat turun dokumen di dalam emel yang sama.

5. Tempoh Sah Laku Tawaran

- (i) Tempoh sah laku tawaran pemohon hendaklah 180 hari daripada Tarikh tutup iklan; dan
- (ii) Mana-mana pemohon yang mengemukakan tempoh sah laku harga kurang daripada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST)

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

7. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- (ii) Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai tender ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- (iii) Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- (iv) Pemohon yang berminat menyertai tawaran tender ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

8. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Bahagian Pembangunan Perniagaan, Syarikat dan Jualan Langsung
atau;
Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,
No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya**

Untuk Perhatian:

- I. Sekretariat Induk Inisiatif Payung RAHMAH MADANI**
Emel : payungrahmah@kpdn.gov.my
- II. Encik Wong Lih Yen**
No. Tel : 03-8882 6324
Emel : wongly@kpdn.gov.my
- III. Puan Nor Azline binti Tajudin**
No. Tel : 03-8882 5571
Emel : azline@kpdn.gov.my
- IV. Encik Muhammad Hilmi bin Buhairi**
No. Tel : 03-8882 6029
Emel : hilmibuhairi@kpdn.gov.my
- V. Puan Nur Hazelina binti Tin@Jamaludin**
No. Tel : 03-8882 6764
Emel : nurhazelina@kpdn.gov.my

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)